

Kemuncak El Nino bulan ini

Kuala Terengganu: Beberapa kawasan terutamanya membabitkan negeri di utara Semenanjung Malaysia selain Terengganu dan Kelantan dijangka terus berdepan peningkatan suhu antara 0.2 hingga dua darjah celsius sehingga Jun ini berikutan fenomena El Nino yang melanda sekarang.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail berkata, peningkatan suhu paling ketara diramalkan berlaku sepanjang bulan ini berdasarkan kepada kekuatan pemanasan permukaan laut di Lautan Pasifik akibat fenomena terbabit.

“El Nino diramalkan mencapai kemuncaknya pada bulan ini sebelum menurun pada Februari dan keadaan dijangkakan kembali pulih seperti sediakala selepas Jun.

“Impak kepada pemanasan suhu permukaan laut di Lautan Pasifik disebabkan El Nino dijangka menyebabkan peningkatan suhu antara 0.2 hingga dua darjah celsius di kawasan Khatulistiwa manakala di Semenanjung Malaysia, paling terjejas dijangkakan membabitkan bahagian utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang selain Kelantan dan Terengganu,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Che Gayah berkata, negara juga berkemungkinan berdepan musibah jerebu tempatan kesan daripada fenomena El Nino.

“El Nino juga akan menyebabkan berlakunya kadar penurunan taburan hujan iaitu antara 20 hingga 60 peratus,” katanya.

Menurutnya, sebelum ini rekod suhu maksimum negara ketika dilanda El Nino pernah mencecah 40.1 celsius iaitu pada 1998.

“Kami tidak menolak kemungkinan keadaan seperti itu akan berulang dan berharap orang ramai dapat bersiap sedia,” katanya.